



Guru di bandar, pedalaman berdepan cabaran berbeza

BH 17/5/12 MS. 9.

SETIAP kali membicarakan mengenai cabaran dihadapi guru di negara ini, ia kerap kali dikaitkan dengan mereka yang mengajar di kawasan pedalaman. Susah payah mereka menempuh cabaran berdepan dengan pelbagai halangan dalam menyalurkan ilmu begitu diberikan perhatian.

Kesukaran guru di pedalaman memabitkan pelbagai isu, termasuk hidup terpencil jauh daripada kemudahan dan kemodenan, berdepan kesukaran dalam perhubungan, berdepan kumpulan pelajar yang kurang mendapat pendedahan, keinginan yang serba kekurangan, selain ada antaranya terpaksa meredah kesulitan dalam perjalanan ke sekolah saban hari.

Justeru, wajarlah mereka ini diberi perhatian dan keprihatinan kerajaan dalam hal ini sudah lama diterjemahkan dengan pelbagai insentif untuk menaikkan semangat mereka untuk terus berbakti kepada anak desa di pedalaman. Malah, isu guru di pedalaman juga sering menjadi topik utama dalam kputusan mengenai cabaran keguruan.

Namun, realitinya, di mana saja guru berada, cabarannya pasti ada. Malah, tidak boleh dinafikan, cabaran guru di bandar juga besar dengan tekanan kerjaya yang berbeza. Memang mereka hidup dalam dunia moden dan dikelilingi pelbagai kemudahan. Memang juga mereka berdepan dengan kelompok pelajar yang mempunyai banyak pendedahan, namun konteks cabaran mereka berbeza serta turut membebankan.

Menyentuh mengenai disiplin pelajar, perlu diakui betapa guru di pedalaman lebih beruntung. Tanyalah kepada mana-mana guru di pedalaman, pasti mereka mengakui pelajar di sana, terutama di kawasan yang jauh daripada pendedahan kepada dunia luar, meskipun nakal tetapi lebih senang dibentuk. Pendek kata, mereka ini 'dengar cakap'.

Berbeza sekali dengan guru di bandar, apatah lagi yang terpaksa mengajar di kawasan dengan pelbagai rekod jenayah, risiko ada setiap masa. Silap langkah, salah tindakan, pelbagai bahaya menanti mereka. Paling kurang pun, kereta mereka menjadi

mangsa dan mungkin lebih buruk lagi, ada yang menunggu di luar sekolah dengan kumpulan 'kaki pukul' yang bila-bila masa boleh mengancam keselamatan guru.

Bukan sedikit cerita mengenai guru menjadi mangsa pukul pelajar samseng. Bukan sedikit juga kes guru yang menjadi mangsa gangguan seksual di sekolah. Tidak kurang juga kes kereta guru menjadi mangsa jenayah vandalisme, sehinggakan ada guru trauma dengan senario ini.

Ada cerita yang disampaikan seorang guru wanita di Cheras, sudah banyak kali dia berdepan dengan tindakan biadap pelajar di sekolah menengah sehinggakan ada yang berani membuka zip seluar, menyangkan kemaluan tanpa segan silu dalam kelas. Selepas menerima tindakan guru berkenaan, esoknya ibu bapa pelajar itu pula menyerang pihak sekolah kerana dikatakan mengasari anaknya.

Ada pula pelajar yang berani menghantar mesej tidak senonoh kepada gurunya dengan bahasa sangat tidak sopan. Mengumpun guru dengan pelbagai ayat lucah seperti tidak langsung menjadi kesalahan kepadanya. Nyata, pendedahan keterlaluan pelajar di bandar jelas mendatangkan masalah kepada kerjaya sebagai pendidik.

Itu jika dinilai dari sudut negatif. Dari sudut positif, tidak boleh dinafikan pendedahan kepada dunia teknologi moden meningkatkan daya berfikir pelajar di bandar setahap melebihi usia mereka. Ini juga cabaran kepada guru kerana mereka juga perlu memastikan pengetahuan mereka

menjangkau daya fikir anak didik supaya tidak kelihatan 'bodoh' di depan pelajar.

Bayangkan, anak kecil seusia lapan tahun sudah kenal komputer, malah sudah boleh menggunakannya dengan mahir berbanding anak seusia itu di pedalaman. Anak itu sudah ada akaun Facebook dan mereka kadang kala lebih tahu isu semasa daripada guru itu sendiri, sekali gus menjadikan cabaran berganda menanti guru di bandar.

Kos sara hidup pula tentunya menambah tekanan guru di bandar. Dengan kadar sewa rumah yang kadangkala boleh mencecah 10 kali ganda berbanding di pedalaman, nyata ia satu bebanan. Gaji mereka sama, tidak kira di mana mereka mengajar tetapi bebanan kewangan mereka berbeza menjadikan bukan sedikit ciku terpaksa buat kerja sambilan selepas waktu sekolah.

Bukan mengatakan ibu bapa di pedalaman tidak bijak, tetapi kebanyakan mereka masih boleh diajak bertoleransi berbanding di bandar yang sering kali mencabar pihak sekolah dengan kuasa undang-undang dan sedikit 'kuasa' yang ada pada mereka. Silap sedikit, bersedialah dengan surat peguam. Tidakkah semua ini menjadi tekanan kepada guru untuk menjalankan tugas dengan seikhlasnya.

Yang Dipertua Majlis Guru Besar Malaysia (MGB), Ruslan Madon, berkata tekanan utama guru di bandar ialah kos sara hidup yang tinggi, malah ada guru yang layak diletakkan di bawah kategori miskin bandar.

"Ada guru yang berpendapatan kurang RM2,000 sebulan. Itu jelas di bawah tahap kemiskinan bandar. Namun, cabaran mereka begitu besar berdepan kelompok pelajar yang lebih ke depan dalam pelbagai hal. Ini menyebabkan mereka (guru) terpaksa mempersiapkan diri lebih daripada guru luar bandar.

"Beban kerja juga berganda. Guru di bandar lebih kerap digunakan untuk pelbagai program luar tugas. Apa saja program jabatan atau agensi lain yang mahukan kerjasama guru selalunya menggunakan khidmat guru bandar. Itulah bebanan utama yang harus mereka hadapi," katanya.

Realitinya, di mana saja guru berada, cabarannya pasti ada. Malah, tidak boleh dinafikan, cabaran guru di bandar juga besar dengan tekanan kerjaya yang berbeza



KESUSAHAN guru di pedalaman hidup terpencil dan berdepan pelbagai cabaran demi mencurahkan ilmu untuk anak bangsa.